

# Oasis 9 tawar ruang perniagaan pengusaha kecil, sederhana



KOMPLEKS Oasis 9

PERMAJUHartanah yang disenarai di pasaran utama, Hua Yang Bhd, baru-baru ini melancarkan kompleks komersial dua tingkat yang dikenali sebagai Oasis 9 di Shah Alam.

"Kami memulakan projek itu pada 2006 menerusi perjanjian bina, urus dan pindah.

"Kerja bermula pada 2008 dan siap pada 2010," kata Ketua Eksekutifnya, Ho Wen Yan menerusi kenyataan baru-baru ini.

Oasis 9, yang menawarkan ruang untuk perniagaan kecil dan sederhana, akan diurus oleh Hua Yang selama 30 tahun menerusi usaha sama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam.

"Mengagumkan mengenai Oasis 9, Shah Alam ialah kita mempunyai restoran Arab terbesar di Malaysia, begitu dekat dengan kita," katanya.

Oasis 9 adalah kompleks komersial yang hanya lima minit perjalanan dari Con-


**“ Mengagumkan mengenai Oasis 9, Shah Alam ialah kita mempunyai restoran Arab terbesar di Malaysia, begitu dekat dengan kita”**

**Ho Wen Yan**  
Ketua Eksekutif  
Hua Yang Bhd

corde Hotel, Shah Alam.

Menerusi projek itu, ia berada dalam landasan terbaik untuk menawarkan ruang pejabat khusus untuk syarikat kecil dan sederhana.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Oasis 9, boleh menghubungi talian 03-6188 4488, atau melayari laman web [www.huayang.com.my](http://www.huayang.com.my).



RUANG dalam Restoran Zam-zam.



RESTORAN Zam-Zam, restoran Arab terbesar di Malaysia boleh ditemui di Oasis 9.



**HUAYANG**

Berita Harian 22 Dec 2010